



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 30 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MOA LANCAR PELAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KELULUT NEGARA 2020-2030, NEWS, BH -3 MOA LAUNCHES NATIONAL KELULUT HONEY INDUSTRY DEVELOPMENT PLAN FOR 2020-2030, NEWS, BERNAMA -4 NATIONAL KELULUT HONEY INDUSTRY DEVT PLAN 2020-2030, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10 HPPNK 2019 PAMER PERTANIAN MODEN, NASIONAL, SH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BADAN BERTINDAK PERIKANAN DIHARAP DAPAT BANTU TINGKAT PENDAPATAN, SEMASA, NES SABAH TIMES BAHASA (KK) -3 SISTEM HYDRO BANTU PROSES PENUAIAN KERANG, NEWS, BH (JOHOR) -65 SEKTOR PERIKANAN TARIKAN EKSPLO HPPNK, NASIONAL, BH -7 HASIL PERIKANAN SEGAR, MURAH, NASIONAL, SH -15 SISTEM PENUAIAN KERANG HIDRO DILANCAR, NASIONAL, SH -12 DOF BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN NELAYAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -16 TASK FORCE TO BOOST FISHERMEN'S INCOME – SIM, HOME, BORNEO POST (KK) -5 TASK FORCE TO BOOST FISHERMEN'S INCOME – SIM, HOME, NST (KK) -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15.	GERAN AGROPRENEUR MUDA BANTU USAHAWAN PERTANIAN MUDA SABAH KEMBANGKAN, NEWS, BERNAMA -4 RM200 MILLION BOOST FOR WOMEN TRADERS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -12 FARMING DAY FESTIVAL IN JOHOR, NEWS, MAKKAL OSSAI -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MOA lancar Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030		
MediaTitle	Berita Harian (www.bharian.com.my)		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	3	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,000

MOA lancar Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030

JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melancarkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 sebagai usaha memaju dan memperkasakan industri perlembahan negara ke peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	MOA launches national kelulut honey industry development plan for 2020-2030		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

MOA launches national kelulut honey industry development plan for 2020-2030

JOHOR BAHRU, Nov 30 -- The National Kelulut Honey Industry Plan 2020-2030 was today launched to introduce kelulut beekeeping as a new source of sustainable income. Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said as of today, ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	National kelulut honey industry devt plan 2020-2030		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

National kelulut honey industry devt plan 2020-2030

JOHOR BAHRU: The National Kelulut Honey Industry Plan 2020-2030 was today launched to introduce kelulut beekeeping as a new source of sustainable income. Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said as of today, there are ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	HPPNK 2019 pameran pertanian moden		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	13	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	765 cm ²
Journalist	Asmaliza Mansor	AdValue	RM 16,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,654



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Slim Tze Tzin (dua dari kanan) melawat reruai di Laman Perikanan selepas Pelancaran Sistem Penuaian Kerang Hidro-Hydro Cockles Sorter dan Penyampelan Anugerah Inovasi Perikanan Sempena HPPNK 2019 semalam.



Pengunjung melihat jentera dan alat pertanian yang dipamerkan sempena HPPNK 2019.

HPPNK 2019 pameran pertanian moden

ASMALIZA MANSOR
FOTO: ZAHID IZZANI

JOHOR BAHRU

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini mengetengahkan konsep Pemodenan Pertanian dan Teknologi dalam industri agromakanan negara.

Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung menerajui kedaulatan makanan negara, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.

Turut dipamerkan, dron yang boleh digunakan dalam sektor pertanian dan *Internet of Things*



Tze Tzin menunggang replika kerbau di HPPNK 2019 semalam.

bagi menggalakkan industri pertanian Malaysia beralih kepada *Internet-based Agriculture*, menerusi penggunaan Teknologi Digital dan IR 4.0.

Ketua Cawangan Centre of Excellence, Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd Fadzil Mat Desa berkata, apa yang berlaku dalam industri

padi ialah kekurangan buruh kerana beliau sekarang tidak berminat untuk melakukan kerja menyembur racun, justeru MADA memperkenalkan dron penyembur racun.

Katanya, penggunaan dron menjadikan kerja tiga kali ganda lebih pantas dan selamat kerana boleh dikawal sejauh tiga kilometer.



Mohd Fadzil melakukan demonstrasi mengendalikannya dron penyembur racun.

Antara jentera yang dipamerkan di Laman Mekanikal dan Automasi.



Orang ramai mengunjungi Laman Ternakan di HPPNK 2019.



Lembu sado bernama Abu yang dibawa pemiliknya dari Setiu, Terengganu menjadi perhatian di Laman Ternakan.

Headline	Badan Bertindak perikanan diharap dapat bantu tingkat pendapatan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	30 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	3	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 390
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,169



Badan Bertindak perikanan diharap dapat bantu tingkat pendapatan

JOHOR BAHRU: Penubuhan Pasukan Bertindak atau 'task force' yang dilakukan kerajaan menerusi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dua bulan lalu, diharap dapat membantu meningkatkan pendapatan nelayan tempatan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Sim Tze Tin berkata ia juga diharap dapat menjaga atau memelihara sumber-sumber semula jadi dalam perairan negara.

Ini kerana pelbagai kajian akan dilakukan untuk mengenalpasti kaedah, mekanisme dan cara terbaik untuk membantu golongan nelayan keluar dari masalah kemiskinan, selain turut membincangkan penglibatan golongan berkenaan, dalam penggunaan teknologi moden menerusi inovasi-inovasi yang dihasilkan.

"Kita mempunyai banyak perancangan untuk sektor perikanan, di mana kerajaan telah menubuhkan satu badan bertindak dan minggu hadapan akan ada bengkel, untuk mengaji semua isu berkaitan nelayan."

"Kita tengah fikir bagaimana cara untuk meningkatkan pendapatan nelayan", katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan 2019 di Laman Perikanan di Tapak Pameran Angara, di sini, kelmarin.

Turut hadir dalam majlis ialah Pengarah Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly dan Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur, Yeo Moi Ean.

Bellau berkata pemodenan sektor perikanan juga menjadi antara ini parti penting dalam fokus pasukan berkenaan, termasuk berkaitan Sistem Pajualan Kering Hydro atau 'Hydro Cockles Sorter' bagi memudahkan para nelayan mencapai hasil dalam tangkapannya.

"Hydro Cockles Sorter, merupakan inovasi yang bukan sahaja dapat mengelakkan nelayan daripada mengalami sakit belakang atau 'Slip Disc' ketika mengangkat jaring tualari kerang, tetapi pada masa sama menekankan elemen pertanahan lestari kerana tidak semua sumber laut akan diambil oleh nelayan.

Sementara itu, dalam Majlis Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan 2019 itu, FRI (Fisheries Research Institute) FRI Gelang Patah, Johor dinobatkan sebagai Juara Kategori Teknikal (Kumpulan) menerusi penghasilan 'Hydro Cockles Sorter' sementara tempat kedua dimenangi FRI Tanjung Demong Terengganu dengan inovasi 'Leech-Guard' manakala tempat ketiga dimenangi Akuarium Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang dengan 'myDOF Coral Tripod', dengan pemenang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, RM3,000 dan RM2,000. Bernama

Headline	Sistem hydro bantu proses penuaian kerang		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	65	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	Mohd Fahmi Mohd Yusof	AdValue	RM 8,835
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,504



Sistem hydro bantu proses penuaian kerang

Teknologi guna tenaga kinetik tangkap hasil laut ikut saiz diperlukan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Jabatan Perikanan semalam, memperkenalkan teknologi terbaru dikenali sebagai Sistem Penuaian Kerang Hydro

yang dapat dimanfaatkan nelayan (dan pengusaha hidupan laut) itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata sistem berkenaan direka bersama dengan roda air untuk tujuan tuai kerang secara mampan, iaitu mengikut saiz pasaran dan mengurangkan kos operasi.

Katanya, dengan sistem berkenaan proses tuai hanya akan mengambil kerang bersaiz sekurang-kurangnya 25 milimeter (mm) sahaja.

"Teknologi yang menggunakan tenaga boleh diperbaharui, iaitu tenaga kinetik yang diperolehi da-



Tze Tzin cuba menggunakan Sistem Penuaian Kerang Hydro ketika majlis pelancaran mesin itu pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Johor Bahru, semalam. (Foto Haini Anuar Bahim/BH)

ri pada pergerakan arus air ini dapat membantu mengurangkan isu lambakan kerang bersaiz kecil di pasaran.

"Ia juga memberi manfaat kepada nelayan kerang dari segi pengurangan kos bahan api, masa dan tenaga kerana tidak perlu berulang-alik ke perairan, bagi memulangkan semula kerang bersaiz kurang 25mm ke kawasan tuai.

"Sistem penuaian kerang hydro ini dapat melaksanakan proses serakan kerang yang berukuran kurang 25mm, serentak semasa ker-

ja tuai dijalankan," katanya selepas majlis pelancaran teknologi baharu itu sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di sini, semalam.

"Dalam pada itu, ia juga membantu nelayan kerang mematuhi peraturan ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002, yang hanya membenarkan kerang bersaiz sekurang-kurangnya 25mm didaratkan," katanya.

HPPNK yang berlangsung selama empat hari bermula kelma-

ri hingga 1 Disember ini, diadakan di Padang A dan B Angsana Mall, di sini.

Masih meneruskan tema Makanan Kita Masa Depan Kita, HPPNK menampilkan 350 usahawan terdiri daripada peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara.

Penganjuran tahun ini menampilkan enam kluster aktiviti yang dijalankan sepanjang ekspo, iaitu makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, hasil pertanian, agro teknologi serta pembangunan modal insan.

Headline	Sektor perikanan tarikan ekspo HPPNK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	804 cm ²
Journalist	Mohd Fahmi Mohd Yusof	AdValue	RM 26,725
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,175



Tze Tzin bergambar bersama pemenang anugerah inovasi dan kategori perikanan di Laman Perikanan sempena HPPNK 2019 di Johor Bahru, semalam. (Foto Hainil Anuar Rahim /BH)



Tze Tzin meluangkan masa melihat penyelidikan terbaru iaitu Udang Putih Super Intensif di Laman Perikanan.

Sektor perikanan tarikan ekspo HPPNK

LKIM promosi makanan laut, DOF info industri akuakultur

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Pameran berkaitan sektor perikanan negara menjadi satu daripada tarikan dan tumpuan sepanjang dua hari berlangsungnya ekspo Hari Peladang, Penteruak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Mall di sini.

Antara menjadi tumpuan ialah pavilion MySeafood keudalian Lembaga Kenajutan Ikan Malaysia (LKIM) yang mempromosikan produk perikanan dan nakanan laut negara ini.

Kelainan MySeafood kali ini adalah ikan tuna seberat hampir 40 kilogram yang dibawa khas dari Sabah dipamerkan untuk pengunjung, selain pameran belangkas, diletakkan dalam akuarium dan

boleh dipegang orang ramai yang hadir ke ruang pameran itu.

Tidak kurang hebatnya, Laman Perikanan HPPNK yang dikendalikan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang menyebarkan maklumat berkaitan perikanan, terutama mengenai kapal moden penangkap ikan, peralatan tangkapan mesra sumber dan industri akuakultur termasuk ikan hiasan.

Pameran Wild Beta atau lebih dikenali dengan panggilan Ikan laga yang menjadi keghilaan orang ramai turut mendapat sambutan ramai, selain pelbagai aktiviti seperti pertandingan menghias viaruni, mewarna tanah liat, karaoke, demonstrasi peralatan menangkap ikan dan perkongsian maklumat.

Yang turut berlangsung, pameran teknologi terbaru dikenali

sebagai sistem penuaian kerang hydro oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sini Tze Tzin, yang dapat dimanfaatkan nelayan dan pengusaha hidupan laut itu.

Teknologi baharu yang menggunakan tenaga boleh diperbaharui iaitu tenaga kinetik yang diperolehi daripada pergerakan arus air itu hanya akan mengambil kerang bersaiz sekurang-kurangnya 25 milimeter sahaja.

Selain membantu mengurangkan isu lambakan kerang bersaiz kecil di pasaran, ia turut memberi manfaat kepada nelayan kerana dari segi pengurangan kos bahan api, masa dan tenaga kerana tidak perlu berulang-alik ke perairan bagi memulangkan semula kerang bersaiz kurang 25mm ke kawasan tuai.



Pengunjung boleh melihat dan memegang belangkas hidup antara tarikan utama pameran di Pavilion MySeafood.



Demonstrasi Shellicious oleh Ketua Pengarah LKIM, Jamahudin Othman (diri) antara tarikan utama Dari Dapur MySeafood di Pavilion Myseafood #MySeafood @hppnk2019.



Antara pameran pelbagai makanan laut yang dipamerkan kepada pengunjung di Pavilion Myseafood @hppnk2019.

Headline	Hasil perikanan segar, murah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	15	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	726 cm ²
Journalist	Asmaliza Mansor	AdValue	RM 15,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,174



Hasil perikanan segar, murah

Nekmat promosi perniagaan atas talian di HPPNK 2019

ASMALIZA MANSOR

JOHOR BHARU

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) terus mempromosikan jualan atas talian pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang menunjukkan perkembangan positif dan mendapat sambutan menggalakkan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, pengguna kini lebih gemar membeli barang secara atas talian dan sambutan terhadap platform jualan atas talian *nekmatic.com.my* yang diperkenalkan pada Julai tahun ini begitu menggalakkan.

Menurutnya, pihaknya membeli ikan segar daripada nelayan yang terus dihantar ke tempat simpanan sebelum dibekalkan kepada pengguna.

"Pengguna minta apa sahaja ikan dan kita akan membekalkannya kepada mereka. Selain itu, kita tonjolkan juga tanggungjawab kita kepada masyarakat nelayan dan peranan yang dimainkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di gerai Nekmat sempena HPPNK 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini sehingga Ahad ini.

Abdul Hamid berkata, hasil perikanan yang dipasarkan Nekmat segar

dan harganya amat berpatutan.

Menurutnya, pihaknya membekalkan produk ikan sejuk beku jenama QFish yang mendapat permintaan tinggi khususnya daripada pengusaha restoran.

"Rakyat Malaysia semakin gemar menggunakan produk sejuk beku ini dan kita berharap sambutan ini akan berterusan kerana ikan ada pada masa tertentu sahaja.

"Jadi kita perlu membuat simpanan stok sebagai *food security* untuk memastikan bekalan ikan mencukupi pada musim-musim tertentu seperti tengkujuh, berlaku bencana alam dan sebagainya," katanya.

Aplikasi teknologi baharu

Abdul Hamid berkata, Nekmat ingin membawa satu perubahan dan HPPNK yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjadi platform menonjolkan kebaikan yang dilakukan untuk nelayan di negara ini.

"Kita mempunyai bot laut dalam, yang mana ikan-ikan segar ini dinaikkan di Perlis atau di tempat-tempat yang kita memasarkannya sendiri dan sambutan diperolehi begitu menggalakkan sehingga tidak mencukupi.

"Hasrat kita juga dengan modal sendiri dan memohon sedikit dana daripada



FOTO ZAHID IZZAH

Pengunjung HPPNK 2019 membeli ikan bila yang dibawa dari Terengganu.

kerajaan untuk meneruskan kesinambungan ini. Nekmat akan memainkan peranan penting untuk kestabilan harga ikan," katanya.

Beliau berkata, Nekmat sentiasa mencari rezeki tambahan untuk me-

Hasil perikanan yang dipasarkan Nekmat segar dan harganya amat berpatutan. - Abdul Hamid

nambahkan pendapatan untuk kepentingan ahlinya.

Katanya, Nekmat, LKIM dan Jabatan Perikanan ingin memastikan teknologi baharu akan memberikan keberkesanan kepada nelayan-nelayan apabila diaplikasikan.

Abdul Hamid berkata, Nekmat menandatangani perjanjian dan bekerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi mewujudkan usaha sama dengan *remote sensing* untuk mengenal pasti kedudukan ikan.

"Masa dan tenaga dapat dijitamkan. Teknologi tangkapan ikan perlu berubah sektor ini supaya lebih efisien, hebat dan canggit," katanya.



Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai sektor perikanan di gerai Nekmat sempena HPPNK 2019.

Tarik minat belia jadi nelayan

NEKMAT berusaha menarik minat belia untuk menjadi nelayan yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan.

Justeru katanya, pihaknya dan MOA merancang untuk memastikan belia beminat dan menyertai kursus-kursus disediakan antaranya kepakaran menangkap ikan dan membaiki enjin.

"Kita juga mewujudkan institut pengajian berkaitan sektor perikanan

untuk melahirkan generasi muda yang lebih efisien.

Dalam pada itu beliau berkata, nelayan perlu berubah kehidupan dan menguatkan jati dirinya selain mengubah mentaliti serta cara pemikiran.

"Tidak kira nelayan kecil atau besar, perlu ada sikap bertanggungjawab dalam memastikan khazanah negara seperti ikan dipelihara," katanya.



Abdul Hamid menunjukkan produk ikan sejuk beku yang dipasarkan oleh Nekmat.

Headline	Sistem Penuaian Kerang Hidro dilancar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	12	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	601 cm ²
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 12,741
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,224



Sistem Penuaian Kerang Hidro dilancar

REAKSI



Saya berkecimpung ke sini untuk melihat pelbagai makanan dan barangan yang dipamerkan di HPPNK 2019 tapi saya lebih suka kepada makanan ditawarkan. Seronok pergi program seperti ini kerana anak-anak pun suka tengok haiwan di bahagian ternakan." - Kerani, Norida Bassari, 34



Penganjuran program seperti ini membolehkan orang ramai melihat jenis ternakan dan tanaman yang mungkin tak boleh dilihat di luar. Saya dan keluarga datang dari Kluang semata-mata nak tengok pameran haiwan ternakan dan juga buah-buahan." - Pemandu teksi, Mohd Yusoff Onn, 64

Bantu nelayan mengurangkan kos bahan api, masa dan tenaga

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JOHOR BAHRU

Sistem Penuaian Kerang Hidro yang direka khas, membantu mengurangkan lambakan kerang bersaiz kecil di pasaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Siru Tze Tzin berkata, sistem itu direka bersama *water wheel* untuk tuaian kerang secara mampan.

"Penggunaannya memastikan hanya kerang bersaiz sekurang-kurangnya 25 milimeter (mm) sahaja dituai.

"Ia memberi manfaat kepada nelayan kerang daripada segi pengurangan kos bahan api, masa dan tenaga kerana tidak perlu berulang-alik ke perairan bagi memulangkan semula kerang bersaiz kurang 25mm ke kawasan tuaian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Sistem Penuaian Kerang Hidro-Hydro Cockles Sorter dan Penyampaian Anugerah Inovasi Perikanan Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Johor Bahru Mall di sini semalam.

Tze Tzin berkata, teknologi itu menggunakan tenaga boleh diperbaharui iaitu tenaga kinetik yang diperolehi daripada pergerakan arus air.

Katanya, Sistem Penuaian Kerang Hidro dapat melaksanakan proses serakan kerang yang berukuran kurang 25mm serentak semasa kerja-kerja tuaian dijalankan.

Menurutnya, ia membantu nelayan kerang mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002 yang hanya membenarkan kerang bersaiz



Tze Tzin melancarkan Sistem Penuaian Kerang Hidro sempena HPPNK 2019 semalam.

sekurang-kurangnya 25mm didaratkan.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menubuhkan *task force* dua bulan lalu untuk mengkaji pemodenan sektor perikanan.

Menurutnya, kerajaan mempunyai banyak perancangan untuk sektor perikanan selain sedang memikirkan kaedah membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

"Menerusi *task force* yang ditubuhkan, kita akan bincang isu kemiskinan nelayan, bagaimana cara meningkatkan hasil pendapatan mereka, sekali gus memikirkan bagaimana boleh menjaga sumber.

"Menjadi hasrat kerajaan menggunakan pelbagai inovasi dan teknologi moden untuk meningkatkan hasil laut dan memodenkan cara tangkapan," katanya.

Kaedah baharu

Memodenkan sektor perikanan, penternakan dan perikanan menjadi agenda MOA dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil dalam negara.

Tze Tzin, berkata, kaedah lama digunakan dalam kesemua sektor tersebut didapati tidak lagi memberi pu-

langan hasil yang mencukupi.

Katanya, kementerian tidak mahu nelayan, petani dan peladang menggunakan cara lama berbanding penggunaan teknologi baharu yang mampu menghasilkan pengeluaran lebih tinggi.

"Kalau nak memodenkan sektor ini kena guna teknologi. Saya nampak orang muda minat dalam pertanian dan mempunyai banyak idea untuk bawa teknologi ke dalam sektor pertanian.

"Jika dulu kita dapati bila guna jentera besar boleh merosakkan tanah dan menyebabkan pembaziran kini penggunaan teknologi lebih kecil lebih memudahkan. Sektor pertanian harus menuju ke tahap teknologi yang lebih tinggi.

"Penggunaan teknologi moden dalam sektor di bawah MOA bukan sekadar mesin dan jentera namun ia termasuk penyelidikan dan p e m b a n g u a n (R & D)," katanya.



TZE TZIN

Headline	DOF bantu tingkatkan pendapatan nelayan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	30 Nov 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	16	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	431 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,565
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,695



DOF bantu tingkatkan pendapatan nelayan

JOHOR BAHRU: Penubuhan Pasukan Bertindak atau *task force* yang dilakukan kerajaan menerusi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dua bulan lalu, diharap dapat membantu meningkatkan pendapatan nelayan tempatan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata ia juga diharap dapat menjaga atau memelihara sumber-sumber semulajadi dalam perairan negara.

Ini kerana pelbagai kajian akan dilakukan untuk mengenalpasti kaedah, mekanisme dan cara terbaik untuk membantu golongan nelayan keluar dari masalah kemiskinan, selain turut membincangkan penglibatan golongan berkenaan dalam penggunaan teknologi moden menerusi inovasi-inovasi yang dihasilkan.

"Kita mempunyai banyak perancangan untuk sektor perikanan, yang mana kerajaan telah menubuhkan satu badan bertindak dan minggu hadapan akan ada bengkel untuk mengkaji semua isu berkaitan nelayan."

"Kita tengah fikir bagaimana cara untuk meningkatkan

pendapatan nelayan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan 2019 di Laman Perikanan di Tapak Pameran Angsana, semalam.

Turut hadir dalam majlis ialah Pengarah Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly dan Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur, Yeo Moi Eim.

Beliau berkata pemodenan sektor perikanan juga menjadi antara inti pati penting dalam fokus pasukan berkenaan, termasuk berkaitan Sistem Penuaian Kerang Hydro atau Hydro Cockles Sorter bagi memudahkan para nelayan mencari hasil dalam tangkapannya.

"Hydro Cockles Sorter, merupakan inovasi yang bukan sahaja dapat mengelakkan nelayan daripada mengalami sakit belakang atau Slip Disc ketika mengangkat jaring tuaian kerang, tetapi pada masa yang sama menekankan elemen pertanian lestari kerana tidak semua sumber laut akan diambil oleh nelayan."

Sementara itu, dalam Majlis Anugerah Inovasi Jaba-

tan Perikanan 2019 itu, FRI (Fisheries Research Institute) FRI Gelang Patah, Johor dinobatkan sebagai Juara Kategori Teknikal (Kumpulan) menerusi penghasilan Hydro Cockles Sorter, sementara tempat kedua dimenangi FRI Tanjung Demong Terengganu dengan inovasi Leech-Guard, manakala tempat ketiga dimenangi Akuarium Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang dengan myDOF Coral Tripo.

Pemenang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 RM3,000 dan RM2,000.

Bagi kategori Prosedur pula, FRI Batu Maung, Pulau Pinang dipilih menjadi juara dengan inovasi 'Kit Prosedur Kes Diagnosis (kit PKDI)', FRI Pulau Sayak, Kedah menerusi 'ECG Gerak-Prosedur Pantas Pergerakan' di tempat kedua, manakala tempat ketiga dimenangi FRI Clami Lemi, Negeri Sembilan dengan inovasi 'Kacukan Tilapia Merah Secara Berjadual'.

Pemenang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 RM3,000 dan RM2,000.

Sementara itu, nelayan dari



TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (tiga dari kanan) menuang kerang ke dalam mesin sebagai simbolik pelancaran mesin penuaian kerang hydro di Laman Perikanan sempena Hari Peladang Penternak dan Nelayan (HPPNK) 2019 di Padang 8, Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru, semalam. Turut hadir Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jabatan Perikanan Malaysia, Ahmad Tarmidzi Ramly (dua dari kanan). • Foto BERNAMA

Miri, Sarawak, Fauzi Mob dipilih sebagai Johan dan Naib Johan Kategori Perikanan Terbuka (Individu) dengan penghasilan 'Mesin Pengupas Kulit Udang' dan 'Pengubahsuaian Alat Penghela Pukat' di mana beliau membawa membawa pu-

lang wang tunai RM1,000 dan RM750.

Bagi Kategori Perikanan Terbuka (Kumpulan) pula, FRI Pulau Sayak, Kedah menerusi Shrimpshield membawa pulang RM5,000 setelah dipilih menjadi Johan manakala FRI Tanjung De-

mong, Terengganu dan UMT menerusi 'Spermate' di tempat kedua membawa pulang RM3,000 dan tempat ketiga dimenangi Pusat Biosekuriti Perikanan KLIA, UM & UPM dengan 'AHPND 5' membawa pulang RM 2,000. - BERNAMA

Headline	Task force to boost fishermen`s income - Sim		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	30 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 226
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 677



Task force to boost fishermen's income – Sim

JOHOR BAHRU: The setting up of a task force through the Fisheries Department for the past two months is expected to help boost the income of local fishermen, says Deputy Agriculture & Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin.

He said the move was also hoped to help preserve natural resources in the country's waters.

Various studies would also be conducted to identify the best methods and mechanisms to help fishermen to get out of poverty, apart from the group's involvement in the use of modern technology through the

innovations produced, he said.

"We have several plans for the fisheries sector, where the government has set up a task force and next week there will be workshops to study on issues related to the fishermen.

"We are still figuring out ways to increase the income of the fishermen," he told reporters after officiating the Fisheries Department's 2019 Innovation Award at the Angsana Exhibition Site, here, yesterday.

Also present were Fisheries Department's engineering division director Ahmad Tarmidzi Ramly and aquaculture development division director Yeo Moi Eim.

Headline	Task force to boost fishermen's income - Sim		
MediaTitle	New Sabah Times English (KK)		
Date	30 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	11,025
Page No	9	Readership	33,075
Language	English	ArticleSize	377 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 835
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,505



Task force to boost fishermen's income - Sim



Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister, Sim Tze Tzin, at the launching of the 'Combine Harvester Farmaster' product in conjunction with the 2019 Farmers, Husbandry and National Fisheries Day at the Angsana Johor Bahru Mall on Friday. Also present were deputy director general of the Farmers Association Development Board, Norlizah Muhamad (3rd right) and SCS Group Sdn Bhd managing director, Low Wey Yee (2nd right). - Bernama Photo

JOHOR BAHRU: The setting up of a task force through the Fisheries Department for the past two months is expected to help boost the income of local fishermen, says Deputy Agriculture & Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin.

He said the move was also hoped to help preserve natural resources in the country's waters.

Various studies would also be conducted to identify the best methods and mechanisms to help fishermen to get out of poverty, apart from the group's involvement in the use of modern technology through the innovations produced, he said.

"We have several plans for the fisheries

sector, where the government has set up a task force and next week there will be workshops to study issues related to the fishermen.

"We are still figuring out ways to increase the income of the fishermen," he told reporters after officiating the Fisheries Department's 2019 Innovation Award at the Angsana Exhibition Site here, Friday.

Also present were Fisheries Department's engineering division director Ahmad Tarmidzi Ramly and aquaculture development division director Yeo Moi Eim.

He said modernisation of the fisheries sector was among important elements for the task force to focus on,

including the Hydro Cockles Sorter Harvesting System to facilitate fishermen carrying out the harvest.

Meanwhile, at the Fisheries Innovation Award 2019, Fisheries Research Institute (FRI) Gelang Patah, Johor was named the winner of the technical category via Hydro Cockles Sorter Harvesting System while the FRI Batu Maung, Penang, won the procedure category via its innovation called Diagnostic Case Procedure Kit.

Meanwhile, a fisherman from Miri, Sarawak, Fauzi Mob was selected as the winner in the open fisheries category (individual) while the FRI Pulau Sayak, Kedah, bagged the first place in group category. -Bernama

Headline	Geran Agropreneur Muda bantu usahawan pertanian muda Sabah kembangkan perniagaan		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

Geran Agropreneur Muda bantu usahawan pertanian muda Sabah kembangkan

RANAU, 30 Nov – Geran Agropreneur Muda (GAM) yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kepada golongan muda untuk bergiat dalam sektor pertanian telah berjaya membantu golongan itu mengembangkan perusahaan mereka.
Melalui ba...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	RM200 million boost for women traders		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	30 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	12	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 478
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,434



RM200 million boost for women traders

KEMABONG: Various Budget 2020 initiatives that are geared towards female entrepreneurs prove that the government is paying particular attention to the group as it also provides ample opportunity for women to thrive and be competitive in business.

Kemabong local representative Jamawi Jaafar said the RM500 million Business Loan Guarantee Scheme and RM200 million allocation for women entrepreneurs announced recently during the budget presentation, is in line with the aspiration of women to attain fair competition in business.

"This initiative is very good and it provides the opportunity and space for women to compete fairly in the business alongside men.

"This is also in line with the women's desire for healthy competition. In addition, studies show that increasing female entrepreneurship will increase Gross Domestic Product (GDP), where it increases income per capita by 20 per cent by 2030 while increasing employment opportunities."

He said this when speaking at the launching of Pesta Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) programme (Terengganu Division) at the Sri Antoros Kemabong hall, here, recently.

According to Jamawi, to continue sup-

porting new businesses, entrepreneurs, SME Bank will introduce two new funds in which the Government will provide a two percent interest rate subsidy annually to reduce the cost of loans.

It also includes RM200 million in funding specifically for women entrepreneurs with financing offers up to RM1 million per SME.

Jamawi added that schemes and initiatives introduced specifically for women entrepreneurs enables existing women entrepreneurs to further advance their businesses and make it easier for newcomers to enter the market.

"This is a great opportunity for women entrepreneurs to get funding or business grant from the government when various incentives are provided. This is great because we have a good selection of schemes that are best suited to their respective businesses.

He said female entrepreneurs can also obtain loans from AIM and Tekun as well as gain skills experience through short and long term courses from various government agencies such as Mardi, Mara and others.

Jamawi however reminded borrowers, whether through AIM or Tekun, to prioritise paying off their monthly loan instalments.

Headline	Farming Day Festival in Johor		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	30 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 3,037
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,111



ஜோகூரில் விவசாய தின விழா



விழா பொறுப்பாளர்



நவீன இயந்திரம்



இளம் வேளாண் விருது வென்ற கெ.சாமநாபு

வருகை புரிந்து பயன்பெற வேண்டும் என கேட்டுக்கொண்டார். விவசாயிகள் உபகரணங்கள் வழங்கும் குணா (வயது 40), விவசாயிகள் பயன் பெறும் உபகரணங்கள் இங்கு கிடைக்கும் என்றார்.

ரமேஷ்கண்ணா என்பவர் செக்கில் ஆட்டிய சுத்தமான எண்ணெய் விறகிறார். வியாபாரம் சிறப்பாக போய்க் கொண்டிருப்பதாகக் கூறுகிறார். விவசாயிகள் விழாவில் பொறுப்பு பேற்று நடத்துபவர்களுள் ஒருவரான சாந்தினி அர்ஜுனன் (வயது 24), நிறைய இந்தியர்கள்

இவ்விழாவிற்கு வந்து பயன்பெற வேண்டும். ரசாயனம் கலப்படம் அல்லாத காய்கறிகள், மீன்கள் விற்கப்படுகின்றன. குறைந்த விலையில் வாங்கிச் செல்லலாம் என்றார். பல விதமான உணவுப் பொருட்கள் குறைந்த விலையில் இங்கே கிடைக்கும் சுவைத்து மலிழலாம் என்றார்.

● கிருஷ்ணன் இராசு

ஜோகூர்பாரு.நவ. 30- ஜோகூர் பாருவில் உள்ள அங்சானா மால் வளாகத்தில் விவசாய, கால்நடை வளர்ப்பவர்கள், மீனவர் தினவிழா நவம்பர் 28ஆம் தேதி தொடங்கி டிசம்பர் 1ஆம்நாள் வரை கொண்டாடப்படுகிறது. உணவுக்கு முக்கிய பங்களிப்பாளர்களான விவசாயிகளை அங்கீகரிக்கும் வகையிலும் தயாரிக்கும் பொருட்களை ஊக்குவிப்பதிலும் சமீபத்திய தொழில் நுட்பத்தை அறிமுகப்படுத்தும் நோக்கத்திலும் இவ்விழா நடைபெறுகிறது. இதன் தலைமை நிர்வாகி நாசீர் கூறினார். நம் உணவு, நம் எதிர்காலம் என்ற வாசகத்தை கருப்பொருளாகக்

கொண்டு எச்.பி.பி.என்.கே. 2019 நடைபெறுகிறது. நான்கு நாட்கள் நடைபெறும் இவ்விழாவில் 5 லட்சம் மக்கள் கூடுவர் என எதிர்பார்க்கப்படுகிறது என விவசாய அமைச்சர் டத்தோ சலாவுடி அய்யூப் கூறினார். மேலும், அவர் 350க்கும் மேல் விற்பனை கடைகள் திறக்கப்பட்டிருக்கின்றன என்று தெரிவித்தார்.

இவ்விழாவில் கலந்து கொண்ட கெ.சாமநாபு (வயது 29) மக்காச் சோளம் தயாரிப்பில் இளம் வேளாண் விருது பெற்று முதல் 20 ஆயிரம் வெள்ளியை பரிசாக வென்றார்.

இந்த விழாவிற்கு வந்திருந்த விவசாயியான என்.பழநி (வயது 40) சிறப்பாகக் கொண்டாடப்படும் விழாவுக்கு நிறைய இந்தியர்கள்



SU